



**GARIS PANDUAN  
KLINIK PANEL  
MAJLIS BANDARAYA  
SEBERANG PERAI  
(MBSP)**

## GARIS PANDUAN KLINIK PANEL MBSP

1. Semua kemudahan perkhidmatan rawatan yang disediakan di Klinik Panel MBSP dapat diberikan kepada semua Ahli Majlis dan kakitangan MBSP (bertaraf tetap dan kontrak).
2. Kemudahan ini juga dipanjangkan kepada ahli keluarga Ahli Majlis dan kakitangan MBSP seperti berikut:
  - i) Suami / isteri (isteri-isteri) yang sah (mengemukakan sijil nikah dan salinan kad pengenalan);
  - ii) Anak kandung / anak tiri / anak angkat (berserta surat pengesahan) di bawah umur 18 tahun / 21 tahun (jika masih belajar - mengemukakan surat pengesahan dari sekolah / institusi pengajian);
  - iii) Ibu dan bapa Ahli Majlis dan kakitangan MBSP (mengemukakan sijil kelahiran Ahli Majlis / kakitangan dan salinan kad pengenalan ibu / bapa).
3. Kadar peruntukan yang diberikan setiap tahun mengikut kategori seperti jadual di bawah.

<b>Bil.</b>	<b>Kategori</b>	<b>Kadar Peruntukan Klinik Panel (RM)</b>
1.	Ahli Majlis Bujang	400.00
2.	Ahli Majlis Berkahwin	1000.00
3.	Kakitangan Bujang	400.00
4.	Kakitangan Berkahwin (Suami atau isteri kakitangan MBSP)	1000.00
5.	Kakitangan Berkahwin (Suami dan isteri kakitangan MBSP)	1400.00

4. Kemudahan penggunaan peruntukan klinik panel adalah merangkumi kemudahan berikut:
  - i) Semua kemudahan perkhidmatan rawatan yang disediakan di semua Klinik Panel MBSP;
  - ii) Pembelian cermin mata (mengalami masalah penglihatan) di premis cermin mata;
  - iii) Kemudahan perubatan di klinik pakar kanak-kanak;
5. Klinik Panel MBSP / pembelian cermin mata dan perkhidmatan perubatan di klinik pakar kanak-kanak meliputi seluruh Negeri Pulau Pinang, bahagian Selatan Negeri Kedah (Padang serai, Lunas, Kulim dan Sungai Petani) dan bahagian Utara Negeri Perak (Parit Buntar) sahaja.
6. Bayaran bagi pembelian cermin mata dan kemudahan perubatan di klinik pakar kanak-kanak perlu didahulukan oleh setiap Ahli Majlis dan kakitangan MBSP. Walau bagaimanapun, resit asal perlu dikemukakan kepada Jabatan Khidmat Pengurusan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja untuk proses bayaran balik tuntutan perbelanjaan tersebut.
7. Borang tuntutan perbelanjaan (pembelian cermin mata dan rawatan pakar kanak-kanak) boleh diakses melalui Sistem Borang-Borang MBSP dengan carian 'Borang Permohonan Tuntutan Bayaran Kemudahan Klinik Panel MBSP'.
8. Sijil Cuti Sakit yang dikeluarkan oleh semua Klinik Panel MBSP adalah **tidak melebihi dua (2) hari berturut-turut**.